



Sumber: domain umum

BAGI SEBARANG PERTANYAAN LANJUT

silalahubungi


Ibu pejabat
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (DVS)
Aras 3, Blok B, Wisma Pertanian Sabah,
88999 Kota Kinabalu.

Tel.: 088-287400
Faks: 088-287421
Email: dvs@sabah.gov.my

atau

MANA-MANA PEJABAT DVS BERDEKATAN

DVS BEAUFORT	087-225612
DVS KOTA KINABALU	088-251233
DVS KUDAT	088-620202
DVS KENINGAU	087-332539
DVS SANDAKAN	089-213912
DVS TAWAU	089-713482



8.0 JIKA BERLAKU WABAK PENYAKIT RABIES

- Notis Pemusnahan bagi haiwan terjangkit atau dipercayai telah dijangkiti akan dikeluarkan.
- Sebarang pergerakan haiwan di kawasan wabak akan dikawal.
- Perintah kuarantin akan dikuatkuasakan dengan tegahan semua pergerakan haiwan kesayangan.
- Anjing-anjing tidak berlesen, anjing dan kucing yang berkeliaran di kawasan wabak akan dihapuskan.
- Disinfeksi dan dekontamasi dilaksanakan di kawasan wabak Rabies.

9.0 TANGGUNGJAWAB ORANG AWAM

Pencegahan penyakit Rabies adalah tanggungjawab kita bersama:-

- Melaporkan setiap kes gigitan anjing dengan segera ke pejabat Klinik Kesihatan dan DVS terdekat.
- Dilarang membawa haiwan mamalia masuk ke negeri Sabah tanpa permit import haiwan dari pejabat DVS.
- Menjaga atau mengawal haiwan kesayangan dengan baik supaya tidak terdedah kepada haiwan yang terbiar/liar.
- Orang awam disarankan untuk memandulkan haiwan kesayangan bagi mengurangkan pembiakan dan populasi anjing serta kucing.
- Memberi kerjasama kepada pihak berkuasa dengan tidak menghalang operasi semasa wabak.



RABIES

(PENYAKIT ANJING GILA)



CEGAH
SEBELUM PARAH



1.0 PENGENALAN

Negeri Sabah telah diiktirafkan bebas daripada penyakit Rabies (Penyakit Anjing Gila) sejak tahun 1881.

Rabies adalah jangkitan virus akut dan sejenis penyakit zoonotik (jangkitan yang disebarkan di antara haiwan mamalia dan manusia atau sebaliknya).

Selain anjing dan kucing, mamalia lain termasuk hidupan liar seperti musang, kelawar boleh menjadi punca jangkitan pada haiwan dan juga manusia.



Sumber: domain umum

2.0 AGEN PENYEBAB

Virus Rabies, sejenis Rhabdovirus dari genus Lyssavirus

- Virus ini menyebabkan radang otak akut pada haiwan.
- Tempoh inkubasi boleh sehingga 6 bulan.
- Virus penyakit ini menjangkiti sistem saraf pusat dan haiwan yang dijangkiti biasanya akan mati dalam tempoh 10-14 hari.

3.0 CARA JANGKITAN

Jangkitan tersebar apabila haiwan *rabid* menggigit haiwan lain atau manusia.

Air liur daripada haiwan *rabid* juga boleh menyebarkan virus jika bersentuhan dengan mata, mulut dan hidung atau darah haiwan lain dan manusia.



Di seluruh dunia, lebih daripada 99% kes jangkitan Rabies disebabkan oleh gigitan anjing.

4.0 TANDA-TANDA PENYAKIT

4.1 HAIWAN

- Air liur meleleh dan paralisis pada lidah sehingga sukar untuk menjilat air.
- **Agresif:** Menggigit, berubah perangai, garang, mempunyai kekuatan yang luar biasa dan tidak merasa apa-apa kesakitan.
- **Dungu:** Muram, menggigil, lumpuh pada kaki belakang dan mulut ternganga.
- Kelakuan tidak normal seperti mengunyah batu, kayu dan tanah.



Sumber: domain umum

4.2 MANUSIA

- Demam, sakit badan dan kepala, berhalusinasi, *aerophobia*, *hidrofobia*, lumpuh, sawan dan koma.
- 99% manusia di seluruh dunia yang dijangkiti virus Rabies berakhir dengan kematian selepas mengalami sawan.

**Rabid*: Dijangkiti oleh Rabies

**Aerophobia*: Takut pada tiupan angin

**Hidrofobia*: Bencikan air

5. KAEDAH PENGESANAN VIRUS

- Direct Fluorescent Antibody Test (dFA)
- Polymerase Chain Reaction (PCR)
- Rabies Tissue Culture Infection Test (RTCIT)
- Rapid Immunodiagnostic Test (RIDT)

6.0 RAWATAN

6.1 HAIWAN

- Tiada rawatan untuk jangkitan penyakit Rabies.

6.2 MANUSIA

Rawatan selepas terkena gigitan anjing *rabid* bertujuan untuk mengelakkan jangkitan Rabies iaitu:

- Rawat luka dengan segera, basuh luka dengan sabun dan air atau air sahaja selama 15 minit.
- Kemudian sapukan *etanol* (70%) atau *tincture* atau larutan *iodin akueus* atau *iodin povidine*.
- Ke klinik kesihatan atau hospital terdekat dengan segera.



Sumber: domain umum

7.0 PENCEGAHAN

- Vaksinasi
- Kawalan import
- Kempen kesedaran awam
- Survelan
- Pelesenan
- Kawalan haiwan terbiar, contohnya TNR (*Trap Neuter Rehome*)
- Kuarantin